

Utusan SAWIT



Utusan Borneo
Citra Generasi Pihatin
JUMAAT
21 DISEMBER 2018

MPOB Menjana Perubahan Industri Sawit

EDISI KHAS

Pelaksanaan B10 jimat kos import diesel

Oleh Siti Nurhajar
Mariam Wan Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

KUALA LUMPUR: Pelaksanaan B10 diesel dijangka dapat menjimatkan kos pengimportan diesel negara sebanyak RM1.64 bilion setahun melalui penggantian diesel dengan biodiesel sawit sebanyak 761,000 tan setahun.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok berkata, kerajaan tidak perlu menanggung kos biodiesel kerana harga biodiesel sawit ini adalah lebih rendah berbanding diesel petroleum.

Pelaksanaan B10 diesel dalam sektor pengangkutan akan memberi penjimatan kos sebanyak RM 9.88 juta setahun berdasarkan jualan diesel berjumlah 6.176 bilion liter setahun.

“Keputusan untuk melaksanakan B10 bagi sektor pengangkutan dan B7 bagi sektor perindustrian diambil setelah mempertimbangkan impak positif dan manfaatnya



TERESA Kok pada sidang media mengenai pelaksanaan B10 diesel di Kuala Lumpur.

kepada ekonomi, industri sawit dan alam sekitar,” katanya pada sidang media di sini, baru-baru ini.

Katanya, kerajaan akan melaksanakan program B10 untuk sektor pengangkutan secara berperingkat bermula

1 Disember 2018, manakala program biodiesel B7 akan diperluas ke sektor perindustrian secara mandatori bermula 1 Julai 2019.

“Program biodiesel B7 bagi sektor pengangkutan

diperkenalkan pada November 2014, dengan menggunakan 350,000 tan biodiesel sawit setahun dan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) sebanyak 1.05 juta tan gas karbon dioksida setiap tahun.

“Harga minyak sawit yang rendah ini merupakan waktu yang tepat dan terbaik dalam melaksanakan program biodiesel B10 yang telah tertangguh sejak 2016.

Teresa berkata, inisiatif ini akan menggalakkan

penggunaan minyak sawit domestik kerana dijangka dapat menyumbang kepada penggunaan 761,000 tan minyak sawit setiap tahun.

Katanya, inisiatif ini juga akan menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 2.2 juta tan karbon dioksida secara purata dalam jangka setahun.

“Peningkatan penggunaan minyak sawit mentah (MSM) domestik akan dapat membantu mengurangkan stok semasa yang tinggi serta menaikkan harga MSM. Kesan daripada permintaan yang tinggi sekali gus dapat menjana pendapatan pekebun kecil hasil kenaikan harga buah tandan segar.

“Pelaksanaan program biodiesel ini adalah selari dengan matlamat kerajaan untuk mengurangkan 40% pelepasan gas karbon negara menjelang 2020,” katanya.

Dari sudut keupayaan biodiesel menggantikan diesel petroleum, kerajaan yakin penggunaan bahan

api, Palm Methyl Ester (PME) sawit ini setanding dengan diesel petroleum dan sama sekali tidak akan menjejaskan enjin kenderaan yang menggunakannya.

“Penggunaan biodiesel diperluas di negara lain tanpa sebarang isu teknikal terhadap kenderaan seperti di Indonesia dan Colombia yang masing-masing melaksana program biodiesel B20 dan B10,” katanya.

Yang turut hadir pada sidang media itu, Ketua Setiausaha Kementerian Industri Utama (MPI), Datuk Zurinah Pawanteh dan Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Ahmad Kushairi Din.

Turut hadir menyatakan sokongan terhadap pelaksanaan tersebut adalah syarikat pengeluar kenderaan, syarikat petroleum, agensi kerajaan, Persatuan Peniaga Alat Ganti Kejuruteraan dan Persatuan Biobahan Api Malaysia (MBA).

Pelan Biosekuriti industri sawit Malaysia dilancar

Oleh Siti Nurhajar
Mariam Wan Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

BANGI: Satu pelan pengurusan risiko biosekuriti komprehensif dan pelan tindakan kecemasan industri sawit negara dibangunkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi mempertahankan industri daripada ancaman perosak eksotik berbahaya dan berisiko tinggi daripada memasuki Malaysia.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok, berkata Pelan Biosekuriti yang dibangunkan itu mengandungi satu siri prosedur operasi untuk mengesahkan masalah tersebut.

Katanya, pelan ini termasuk kawalanyangketat dipelabuhan dan lapangan terbang, serta amalan pengurusan ladang yang baik dalam mengesan dan mengurangkan risiko

serangan.

“Pelan Biosekuriti adalah pendekatan strategik bersepadu yang merangkumi kawal selia ke atas rangka kerja yang mampu menganalisis dan mengurus risiko dalam pelbagai sektor termasuk keselamatan makanan, jangka hayat dan kesihatan tanaman serta risiko alam sekitar yang berkaitan.

“Langkah pengurangan penyakit akan diteliti dengan baik sebelum dan selepas sempadan bagi mengurangkan penyebaran wabak.

Berdasarkan kajian, terdapat 23 jenis perosak, penyakit dan rumpai yang didapati mempunyai risiko yang tinggi terhadap industri sawit Malaysia telah dikenal pasti dan seperti *Fusarium oxysporum* f.sp. *elaedis* (penyakit layu vaskular), *Phytophthora staheli* (reput umbut kelapa sawit), *Phytophthora palmivora* (reput putik), *Cercospora elaedis* (bintik daun *Cercospora*)

yang berasal daripada Benua Afrika dan *Bursaphelenchus cocophilus* (penyakit cincin merah) daripada Amerika Selatan.

“Semua ancaman ini, jika melepasi sempadan negara akan menimbulkan masalah serius kepada industri sawit di Malaysia, khususnya di sektor ladang. Dengan itu, menjadi tanggungjawab Kementerian dan MPOB untuk melindungi industri ini.

Industri sawit memberi sumbangan besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Pendapatan Negara Kasar (GNI), pertukaran asing dan pekerjaan.

Teresamengucapkan tahniah kepada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan kerjasama Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Pusat Pertanian dan Biosains Antarabangsa (CABI) atas

kejayaan menerajui usaha ini dan menghasilkan satu pelan yang komprehensif untuk industri sawit.

Katanya, agensi kerajaan dan pihak industri berperanan penting dalam proses implementasi pelan biosekuriti ini kerana kerjasama semua dapat memastikan pihak terbabit komited dalam pengawasan dan pengurusan risiko biosekuriti.

“Saya harap Kementerian dan agensi akan terus bekerjasama memperkasakan pelan biosekuriti ini demi menjaga kesejahteraan industri sawit Malaysia,” katanya.

Majlis pelancaran turut dihadiri Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Jamal Harizan Yang Razali dan Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Penguatkuasaan MAQIS, Dr Azhari Sharidan Abu Bakar.



TERESA Kok ketika melancarkan Pelan Biosekuriti untuk industri sawit Malaysia di Bangi.

Palm Oil Economic REVIEW & OUTLOOK (R&O) Seminar 2019

Palm Oil Driving Economic Sustenance

Registration Fee RM 1000

• 17.1.2019 • LE MERIDIEN PUTRAJAYA •

MPOB
MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)
Ministry of Primary Industries
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia
www.mpob.gov.my

Sektor pengilangan, penapisan sawit amal teknologi mampan

Oleh Noor Asmawati
Abd Samad
watie@mpob.gov.my

KUALA LUMPUR: Sektor pemrosesan yang terdiri kilang kelapa sawit, kilang pelumat isirung dan kilang penapis digesa mengamalkan teknologi mampan dalam usaha menghasilkan produk sawit.

“Pegiat industri sawit serta pihak berkepentingan turut digesa bekerjasama dalam usaha meneroka pelbagai pendekatan bagi memerangkap dan meningkatkan penggunaan biogas,” tegas Menteri Industri Utama, Teresa Kok.

Dalam ucapannya yang dibacakan Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin berkata, usaha memerangkap biogas daripada kolam effluent sawit (POME) berjaya dilaksana oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan kerjasama pihak industri.

Katanya, usaha MPOB bersama FGV dan Sime Darby Offshore Engineering berjaya menghasilkan sumber tenaga alternatif untuk kegunaan kilang sawit dan juga bahan api untuk pengangkutan



DATUK Seri Shamsul Iskandar mendengar penerangan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din mengenai produk biojisim sawit hasil teknologi MPOB yang dipamerkan di POMREQ 2018, di Kuala Lumpur.

menggunakan biogas.

“Saya berpuas hati dengan biogas asli mampan (Bio-CNG) berasaskan sisa buangan kilang sawit yang berjaya dihasilkan,” katanya di perasmian National Seminar on Palm Oil Milling, Refining, Environment and Quality (POMREQ) 2018, anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), di sini.

Beliau menambah, sektor pemrosesan yang terdiri kilang kelapa sawit, kilang pelumat isirung dan kilang penapis adalah komponen penting dalam rantaian nilai

industri minyak sawit.

Katanya, pada masa ini terdapat 453 kilang, 45 kilang pelumat isirung dan 53 kilang penapis beroperasi bagi memproses buah tandan segar dan minyak sawit mentah.

“Bersama dengan 19 kilang oleokimia dan 16 kilang biodiesel, sektor pemrosesan ini adalah sektor utama yang menyumbang kepada penghasilan produk sawit dan produk hiliran berasaskan sawit.

Pada masa sama, industri sawit turut berdepan isu 3-MCPDE dan GE yang boleh

menjejaskan pasaran sawit.

Katanya, MPOB memberi tumpuan kepada penyelidikan 3-MCPDE sejak tahun 2009, dengan kaedah analisis yang pertama kali dibangunkan oleh Federal German Institute for Risk Assessment (BfR).

“MPOB menjalankan lebih daripada 66 percubaan di peringkat loji rintis dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengenal pasti faktor dan punca yang menyumbang kepada pembentukan 3-MCPDE dan GE semasa proses penghasilan minyak.

POMREQ 2018 bertemakan ‘Advances in Sustainable Practices’ menyediakan ruang interaksi kepada pihak industri untuk berkongsi serta mendapatkan maklumat terkini berkaitan penyelidikan dan teknologi dalam sektor pengilangan, penapisan, alam sekitar dan kualiti.

Tumpuan seminar juga berkisar kepada isu tenaga diperbaharu, pemerangkapan dan penggunaan biogas, kemampan dan penggunaan biojisim sawit.

Seminar dua hari itu dihadiri lebih 350 peserta terdiri wakil industri yang terlibat sektor pengilangan dan pemrosesan.

B10, MSPO diberi penekanan dalam Belanjawan 2019

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

PUTRAJAYA: Pelaksanaan program penggunaan Biodiesel B10 dan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) antara yang diberi penekanan dalam Belanjawan 2019.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok ketika berucap di Majlis Perhimpunan Kementerian Industri Utama (MPI) berkata, melalui Strategi Ke 10 Belanjawan 2019: Merebut Peluang Dalam Menghadapi Cabaran Global, Kerajaan menumpukan kepada usaha menambah nilai sektor komoditi secara khusus.

“Antara program yang akan diberi penekanan adalah Biodiesel B10 (campuran 10% kandungan minyak sawit) bagi sektor pengangkutan dan B7 untuk sektor industri, yang dilihat akan menjadi serampang dua mata kepada penawaran dan permintaan minyak sawit.

“Strategi ini seterusnya akan dapat meningkatkan sumber pendapatan kepada lebih sejuta pekebun kecil sawit di seluruh negara.

Katanya juga, program pensijilan MSPO terus diperkemas serta mampu mencapai sasaran dengan suntikan sebanyak RM30 juta bagi membantu pekebun kecil sawit mendapatkan pengiktirafan pensijilan.



TERESA Kok ketika berucap pada Perhimpunan MPI di Putrajaya.

“Belanjawan 2019 menyaksikan MPI diberi peruntukan sebanyak RM507 juta iaitu RM125.6 juta untuk perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM381.4 juta. MPI menerima pengurangan sebanyak 50.7% berbanding peruntukan tahun 2018.

Katanya, belanjawan kali ini lebih fokus dengan tumpuan membabitkan bantuan dan insentif akan dinikmati oleh golongan sasaran seperti mana yang dihasratkan.

“Saya yakin, langkah ini dapat mengoptimalkan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan dalam pada masa sama turut

memberi penekanan kepada perbelanjaan berhemah dalam situasi ekonomi yang mencabar ketika ini.

Tambah Teresa, dari Januari hingga September tahun ini, sektor agrikomoditi mencatatkan jumlah nilai dagangan sebanyak RM124.7 bilion, berbanding RM134.3 bilion yang direkodkan pada tempoh sama 2017.

“Jumlah pendapatan eksport yang direkodkan adalah sebanyak RM95.4 bilion, menyaksikan penurunan sebanyak 8.7% berbanding RM104.5 bilion yang direkodkan pada Januari hingga September 2017. Ia adalah 13% daripada pendapatan eksport negara.

“Aktiviti di peringkat hulu dan hiliran sektor agrikomoditi turut menyumbang sebanyak 6.9% kepada jumlah keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku kedua tahun 2018.

Katanya, walaupun negara mengalami penurunan sebanyak 3.3% berbanding dengan tempoh sama tahun 2017, sektor agrikomoditi masih penyumbang utama KDNK dengan jumlah RM20.7 bilion.

Pada majlis sama, Teresa turut menyampaikan siji penghargaan kepada warga kerjakerajaan dan agensi MPI yang menamatkan perkhidmatan sepanjang tahun 2018.

MPOB-MPKj usaha sama guna biodiesel B20

Oleh Nursyairah Abd Jalil
nursyairah@mpob.gov.my

KAJANG: Selaras usaha Kerajaan Negeri Selangor ke arah bandar rendah karbon, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) menyahut hasrat Kementerian Industri Utama (MPI) melaksanakan projek penggunaan B20 iaitu adunan 20% biodiesel sawit dengan 80% diesel petroleum.

Majlis pelancaran projek usaha sama penggunaan B20 MPOB - MPKj disempurnakan Menteri Industri Utama, Teresa Kok, baru-baru ini di sini.

Majlis turut dihadiri oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang, Mohd Sayuthi Bakar, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor, NgSze Han, Ketua Setiausaha MPI, Datuk Zurinah

Pawanteh, dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din.

Projek usaha sama penggunaan B20 oleh MPOB dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor seperti MPKj adalah usaha baik yang bertujuan memberi kesedaran kepada orang awam berhubung kebolegunaan B20 pada kenderaan tanpa modifikasi pada enjin.

MPKj memperuntukkan lima kenderaan termasuk lori dan kenderaan penumpang berjenama Hino, Nissan, Fuso, Toyota dan Mitsubishi Fuso untuk kegunaan Projek B20 untuk enam bulan.

Teresa Kok berkata, Kerajaan akan melaksanakan program B10 bagi sektor pengangkutan pada 2019.

Katanya, Program B10 dilaksanakan tepat pada

waktunya memandangkan harga biodiesel sawit yang rendah berbanding diesel petroleum pada masa ini.

Dalam konteks alam sekitar, Program B10 mampu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (greenhouse gas) sebanyak 1.5 juta tan karbon dioksida setara setahun yang menyebabkan pemanasan global.

Kerajaan komited untuk memperkenalkan penggunaan tenaga hijau yang mampan dalam negara melalui penghasilan biodiesel sawit yang mesra alam dan tenaga boleh diperbaharu.

Kesungguhan Kerajaan menggunakan biobahan api hijau dibuktikan dengan pelaksanaan Program B5 iaitu adunan 5% biodiesel sawit dengan 95% diesel petroleum secara komersial di Malaysia bermula

2011 dan kemudiannya dipertingkatkan kepada 7% adunan biodiesel sawit pada 2014 secara berperingkat.

“Penggunaan B20 bukanlah satu perkara yang baru dan mustahil. Indonesia telah melaksanakan program B20 secara mandatori sejak Januari 2016 tanpa sebarang masalah pada enjin kenderaan dilaporkan sehingga kini,” katanya.

Katanya, Persatuan Pengeluar Automotif Jepun (JAMA) turut mengumumkan sokongan terhadap penggunaan biodiesel sawit dalam diesel petroleum pada kadar adunan maksima 20% pada Disember 2016.

MPOB menjalankan kajian lapangan penggunaan B20 sejak Januari 2013 melibatkan lima kenderaan diesel berjenama Hyundai Starex, Toyota Hilux dan Fortuner



TERESA Kok ketika melancarkan usaha sama MPOB-MPKj bagi penggunaan biodiesel B20 di Kajang, Selangor.

tanpa masalah teknikal.

Selain kebaikan pada alam sekitar, biodiesel sawit adalah bio-degradable dan tidak toksik, mempunyai nombor setana yang lebih tinggi berbanding diesel yang dapat meningkatkan pembakaran serta menyumbang kepada pelepasan gas ekzos yang lebih bersih.

Kandungan sulfur dalam biodiesel adalah menghampiri

0 ppm, di mana penggunaan biodiesel akan dapat mengurangkan pelepasan gas sulfur dioksida ke atmosfera yang mengakibatkan kejadian hujan asid serta meningkatkan daya pelinciran diesel petroleum.

Biodiesel sawit turut bertindak sebagai agen pembersih dan mengurangkan kadar keausan (wear & tear)

pada enjin. Penggunaan bio bahan api mesra alam ini dapat membantu Malaysia mencapai tahap pengurangan 40 peratus pelepasan karbon menjelang 2020.

Peningkatan penggunaan biodiesel sawit dalam negara akan menyumbang kepada ekonomi negara dan meningkatkan imej industri sawit negara.



DATUK Seri Shamsul Iskandar bersama pemenang Anugerah Industri Sawit sektor pemprosesan di Kuala Lumpur.

Sektor pemprosesan terima Anugerah Industri Sawit

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

KUALA LUMPUR: Lapan penggiat industri sawit merangkumi sektor pengilangan, pemprosesan, penapisan dan oleokimia menerima Anugerah Industri Sawit 2017/2018 kerana pencapaian dan prestasi cemerlang, di sini baru-baru ini.

Anugerah disampaikan Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin sempena perasmian National Seminar on Palm Oil Milling, Refining, Environment and Quality (POMREQ) 2018.

Pemenang anugerah terdiri empat kilang memproses buah sawit, dua kilang pelumat isirung sawit dan masing-masing satu kilang penapis dan kilang oleokimia.

Kilang Kelapa Sawit (KKS) Sungai Jernih di bawah kendalian Boustead Plantation Sdn Bhd berjaya meraih dua anugerah iaitu bagi Pencapaian Kadar Perahan Minyak (OER) Tertinggi

Nasional dan Kilang Kelapa Sawit Terbaik Bekalan Buah Tandan Segar (BTS) Sendiri bagi Semenanjung.

KKS Sungai Jernih merekodkan OER tertinggi peringkat nasional iaitu 23.75% pada tahun 2017.

Selain mematuhi semua peraturan MPOB, kilang berkenaan juga memiliki sijil Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Kilang sawit lain yang turut menerima anugerah ialah KKS Segaria (Boustead Plantation Sdn Bhd) bagi Kategori Kilang Kelapa Sawit Terbaik Bekalan BTS Sendiri bagi Sabah/Sarawak; KKS Tanjong Malim (Kuala Lumpur Kepong Bhd) bagi kategori Kilang Kelapa Sawit Terbaik Bekalan BTS Luar Semenanjung; dan KKS Desa Kim Loong (Kim Loong Resources Bhd) bagi kategori Kilang Kelapa Sawit Terbaik Bekalan BTS Luar Sabah/Sarawak.

Bagi sektor pelumat isirung sawit, dua kilang berjaya meraih anugerah iaitu Kilang Isi Sawit Semambu (Felda Kernel Products Sdn Bhd)

dan IOI Edible Oils Sdn Bhd.

Kilang Isi Sawit Semambu yang meraih anugerah bagi kategori Kilang Pelumat Isirung Terbaik Bekalan Isirung Sendiri berupaya memproses isirung sawit dalam kapasiti yang tinggi di samping mengekalkan OER yang tinggi.

Bagi IOI Edible Oils Sdn Bhd penerima anugerah Kategori Kilang Pelumat Isirung Terbaik Bekalan Isirung Luar sentiasa komited ke arah keselamatan dan kesihatan pekerjaan di samping melaksana pengasingan produk mampan berdasarkan keperluan RSPO.

Sementara itu, bagi Kategori Kilang Penapis Terbaik, anugerah dimenangi Bintulu Edible Oils Sdn Bhd. Kilang ini berjaya memproses minyak sawit bertapis dengan kapasiti yang tinggi dan mencatat peningkatan pada tahun 2017 berbanding 2016.

Kategori Kilang Oleokimia Terbaik dimenangi oleh IOI-Pan Century Sdn Bhd, Pasir Gudang yang menghasilkan bahan terbitan dan produk

baharu oleokimia secara aktif.

Kilang ini juga sedang giat mengembangkan infrastruktur dan fasilitinya.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din berkata, Anugerah Industri Sawit adalah pengiktirafan kerajaan terhadap kecemerlangan pihak industri sawit dalam peningkatan produktiviti dan kualiti minyak sawit dan produk keluarannya yang dihasilkan secara mampan.

“Anugerah yang disampaikan kali ini adalah sesi ketiga selepas empat kategori anugerah disampaikan sebelumnya iaitu kategori Pekebun Kecil Sawit dan Koperasi Penanam Sawit Mampan pada Persidangan Kebangsaan Pekebun Kecil Sawit di Kota Kinabalu, Sabah pada September lalu dan kategori Peniaga Buah Sawit dan Tapak Semaian Sawit Komersial pada bulan Oktober lalu sempena seminar Labour And Mechanisation in Plantation (LAMP) di Ayer Keroh Melaka,” katanya.

MPOB INTERNATIONAL PALM OIL CONGRESS AND EXHIBITION (PIPOC) 2019

Theme: BALANCING SUSTAINABILITY PILLARS

19-21 NOVEMBER 2019 | Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur, Malaysia

Join this prestigious event of 2019!

Organised by: **Malaysian Palm Oil Board (MPOB)**
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia
www.mpo.gov.my

Connect with us at
pipoc@mpob.gov.my
pipoc.mpo.gov.my